

## PERANAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) DALAM PEMANTAPAN FAHAMAN MAZHAB SYAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### *THE ROLE OF SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY (UNISSA) IN ENHANCING THE UNDERSTANDING OF MAZHAB SHAFI'I IN BRUNEI DARUSSALAM*

Azme Matali

Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam, (E-mail: azme.hjmatali@unissa.edu.bn)

**Accepted date:** 25 November 2018

**Published date:** 14 April 2019

**To cite this document:** Matali, A. (2019). Peranan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (Unissa) Dalam Pemantapan Fahaman Mazhab Syafi'i Di Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 14-28.

---

**Abstrak:** *Institusi Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan amat penting sebagai wacana dalam peningkatan dan pemantapan ilmu. Melalui pengajaran, IPT mampu meningkatkan daya saing para ilmuan sama ada di peringkat domestik mahu pun secara global. UNISSA juga berpeluang dalam melahirkan ilmuan Islam yang mampan dan mampu menangani permasalahan terutama yang berkaitan dengan agama. Melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) UNISSA, yang mana pusat ini memainkan peranan penting dalam memelihara dan memperkukuh Mazhab Syafi'i sebagai teras pegangan masyarakat Islam di negara ini sejajar dengan Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3 (1) yang mengkanunkan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah yang berpegang teguh kepada Mazhab Syafi'i. Justeru, kertas kerja ini menggambarkan secara terperinci peranan PPMS sebagai hab rujukan, kajian dan penyelidikan serantau dan antarabangsa dalam bidang mazhab Syafi'i. Hasilnya, PPMS mampu dan yakin dalam usaha memantapkan fahaman serta memperkukuhkan pegangan Ahli Sunnah Waljama'ah mengikut aliran mazhab Syafi'i secara berterusan selagi mana masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam berpegang teguh kepadanya dalam iman dan taqwa.*

**Kata Kunci:** *Universiti Islam Sultan Sharif Ali – Pemantapan – Mazhab Syafi'i – Brunei.*

**Abstract:** *Higher Education Institution (HEI) plays an important role as a discourse in platform for knowledge gain as well as enrichment. Through teaching, HEI can enhance the competitiveness of scholars, albeit domestically or globally. Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA) too, has the opportunity to produce credible Islamic scholars who are*

*capable of dealing with issues, especially those related to religion. With the establishment of the Mazhab Shafi'i Research Center (MSRC), this center plays an important role in preserving and reinforcing the Mazhab Shafi'i as the core of the Islamic community in this country. This is in line with the Brunei Constitution of 1959, Chapter 3 (1) which has officialised Islam as the national religion, following the teachings of the Ahli Sunnah wa al-Jama'ah which adheres to the Mazhab Shafi'i. Hence, this paper describes in detail the role of MSRC as a reference, regional and international study and research hub in the field of the Mazhab Shafi'i. As a result, MSRC is able and confident in the efforts of enhancing the understanding and strengthening the belief of the Ahli Sunnah wa al-Jama'ah according to the teachings of the Mazhab Shafi'i, so long as the Islamic community in Brunei Darussalam continues to hold onto it firmly in faith and taqwa.*

**Keywords:** *Sultan Sharif Ali Islamic University – Enhancement – Mazhab Shafi'i – Brunei*

---

## **Pendahuluan**

1hb Januari 2007 terpacatlah sebuah detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah memperkenankan penubuhan sebuah universiti Islam pertama pada tarikh tersebut. Satu dekad telah berlalu, UNISSA sudah setentunya telah menampakkan hasil mutu kerja dan kualiti yang amat membanggakan sama ada dari pihak pentadbirannya, fakulti, pusat, malah sehingga kepada aset utamanya iaitu mahasiswa dan mahasiswinya. Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), sebagai sebuah pusat di bawah naungan UNISSA juga tidak ketinggalan dalam menyumbang program dan aktiviti yang dapat bergerak serentak dalam membangun dan memajukan UNISSA sepanjang tempoh itu. Kertas kerja ini akan menjelaskan terlebih dahulu mengenai Islam di negara Brunei Darussalam disamping pengenalan PPMS bermula dari penubuhannya sehingga kepada peranannya sebagai hab penyelidikan dan penyebaran Islam yang berpegang kepada mazhab Syafi'i menurut ahli Sunnah Waljama'ah.

## **Islam Di Negara Brunei Darussalam**

### ***Brunei Darussalam***

Perkataan 'Brunei' ialah nama baru bagi sebuah kerajaan tua di Kepulauan Melayu yang dikenali sebagai Puni atau Puli yang berpusat di suatu tempat bergelar 'Garang' di Daerah Temburong, Brunei Darussalam, dan kemudiannya berpindah ke 'Kota Batu'. Perpindahan itu berlaku dianggarkan sebelum atau sekitar tahun 1397. Perkataan 'Brunei' itu dipakai sebagai lambang kegagahan orang Brunei yang menguasai lautan (Haji Md. Zain. 1/1998).

Antara bukti wujudnya Pusat Pemerintahan Kerajaan Brunei Tua (Puni) di Temburong ialah masih terdapat sebuah kampung bernama Puni, dan di daerah itu di suatu tempat yang dinamakan 'Garang'. Terdapat bekas tiang rumah-rumah lama di pecahan-pecahan tembikar, bekas penduduk menetap dan merupakan kesan sejarah yang boleh merujuk wujudnya Kerajaan Brunei Tua itu (Haji Md. Zain. 1 & 2/1998).

Manakala perkataan 'Darussalam' ialah salah satu daripada nama syurga. Dalam al-Quran, surah *al-An'am*: 127, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

﴿لَهُمْ دَارُ السَّلَامِ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَهُوَ وَلِيُّهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾

Mahfumnya:

“Bagi mereka adalah (syurga) Darussalam (negara yang aman sejahtera) di sisi Tuhan mereka dan Dialah penolong mereka dengan sebab apa yang mereka amalkan”.

Allah Subhanahu wa Ta'ala juga berfirman dalam surah Yunus: 25.

﴿وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ﴾

Mahfumnya:

“Dan Allah menyeru kepada (syurga) Darussalam negara selamat, dan Dia akan memberi petunjuk barang siapa yang Dia kehendaki kepada jalan yang lurus”.

Penggunaan perkataan ‘Darussalam’ sesudah perkataan ‘Brunei’ itu merupakan suatu doa dan tabarruk agar Brunei berserta dengan isi di dalamnya sentiasa menikmati keadaan aman sejahtera selama-lamanya (Haji Md. Zain. 2/1998).

### **Sejarah Kedatangan Islam Ke Negara Brunei Darussalam dan Perkembangannya**

Islam telah masuk di Brunei Darussalam iaitu semasa Awang Alak Betatar memeluk agama Islam dan bergelar Sultan Muhammad Shah pada tahun 1368 Masihi. Terdapat bukti bahawa Islam telah berada di Brunei Darussalam sebelum tarikh tersebut. Misalnya dengan menjumpai batu nisan seorang cina kenamaan beragama Islam dengan catatan tahun 1264 Masihi. Ini bukti terawal setakat ini yang menunjukkan wujudnya orang Islam di Brunei (Haji Md. Zain. 227/1998).

Keislaman Baginda telah diikuti oleh keluarga diraja, pembesar-pembesar Negara dan sebilangan besar rakyat jelata terutama yang tinggal di ibu kota dan kawasan-kawasan di sekitarnya.

Islam terus berkembang selepas Sultan Muhammad Shah mangkat, khasnya setelah Sharif Ali diangkat menjadi Sultan Brunei ketiga. Baginda dikatakan daripada keturunan Saiyidina Hassan, cucu Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, berasal dari Ta'if. Sebagai seorang ulama, Baginda menyedari kewajipan dakwah ke atas setiap individu Muslim dan kepentingannya kepada kesejahteraan ummah dan kekukuhan Negara. Dengan yang demikian, Baginda telah mempertingkatkan gerakan dakwah kepada orang Islam dan juga kepada orang yang bukan beragama Islam. Bahkan Baginda bukan sahaja berusaha mengislamkan seluruh penduduk Brunei, malahan Baginda telah pergi ke Jawa untuk mengislamkan Raja Majapahit yang bernama Perabu Angka Wujaya.

### **Perlembagaan Negara Brunei 1959**

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Perlembagaan Brunei yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara yang berfahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dan bermazhabkan Syafi'i. Hasilnya negara kita aman, pembangunan negara juga berjalan lancar, hingga rakyat negara-negara ASEAN dan antarabangsa datang berpusu-pusu mencari rezki di negara ini.

Dalam bahagian (II) Bab 3 cerai (1) mengiktiraf Islam sebagai ugama rasmi di Negara Brunei Darussalam di samping memberi kebebasan kepada agama lain untuk diamalkan secara aman dan sempurna oleh pemeluknya dan Mazhab Shafi'i menjadi pegangan rasmi dan yang diterima

pakai menjadi amalan beragama di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. 40/2004):

*“Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya”.*

Bab 3, cerai (2) menyatakan:

*“Ugama Islam bermakna Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama’ah mengikut mazhab Syafi’i”.*

### ***Pegangan Ahli Sunnah Waljama’ah bermazhabkan Syafi’i***

Akidah Ahli Sunnah Waljama’ah sememangnya sinonim dan dominan di kalangan masyarakat Islam di rantau Asia Tenggara. Hampir keseluruhan penduduknya yang beragama Islam mengikut kefahaman akidah Ahli Sunnah Waljama’ah (ASWJ). Malah, Negara Brunei Darussalam telah memperlembagakan agama Islam sebagai agama rasmi negara menurut pegangan ASWJ (Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3, Cerai (1)).

Dalam titah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 perkara tersebut sekali lagi ditegaskan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang antara lain bertitah:

*“Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wata’ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama’ah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta kerediaan Allah Subhanahu wata’ala”*

Menurut takrif yang tercatat dalam kertas kerja Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja mengenai Islam itu ialah:

*“Agama rasmi negara adalah agama Islam menurut akidah Ahli Sunnah Waljama’ah, Mazhab Syafi’i yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul”*

Ini bermakna sebarang ajaran atau fahaman selain Akidah Ahli Sunnah Waljama’ah seperti Syi’ah, Batiniyyah, Khawarij, Murji’ah, Qadiyaniyyah, Bahai dan sebagainya yang bertentangan dengan ajaran Akidah Ahli Sunnah Waljama’ah tidak boleh dibawa masuk dan disebarkan ke negara ini.

Sejak fahaman Ahli Sunnah Waljama’ah diamalkan dan dijadikan sebagai pegangan hidup dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini, ia ternyata memberi impak yang positif yang berpanjangan dalam menyatupadukan ummah dan kestabilan negara.

Kenyataan ini telah diperakui oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan ketika bertitah dalam Majlis Istiadat Mengadap bersempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-43 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, pada 15 Julai 1989 yang antara lain berbunyi:

*“Di bidang keagamaan pula, fahaman keagamaan yang sepakat dan sealiran yang kita amalkan selama ini menurut aliran Ahli Sunnah Waljama’ah, khasnya mazhab Imam Shafi’i, telah pun terbukti berupaya menghindarkan kita dari sebarang kekecohan dan perselisihan dalam perkara-perkara keagamaan. Oleh yang*

*demikian bagi maksud meneruskan persefahaman di kalangan sesama kita, khususnya di bidang agama, maka kesepakatan dan penyatuan mazhab agama itu mustahaklah jangan dibiarkan terjejas oleh sebarang percubaan bagi menonjolkan lain-lain fahaman atau aliran. Kerajaan beta akan terus mengambil berat dan sentiasa membuat langkah-langkah pada menjamin fahaman beragama yang sepakat dan bersatu aliran itu.”*

### ***Pendidikan***

Pendidikan formal di Negara Brunei Darussalam tidak hanya menjurus kepada pendidikan aliran Melayu dan Inggeris sahaja yang dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah. Pendidikan Ugama Islam juga telah diterapkan dalam sistem pendidikan di negara ini dan ianya sudah diperkenalkan sejak dari abad ke-14 oleh mubaligh-mubaligh dan juga orang-orang tempatan melalui masjid-masjid, balai-balai dan rumah-rumah persendirian.

Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah agensi rasmi kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal ehwal ugama termasuklah pelaksanaan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Manakala Jabatan Pengajian Islam adalah jabatan khusus yang mentadbir dan memantau perjalanan pendidikan Islam tersebut.

Masyarakat Islam dan bukan Islam di Brunei Darussalam sangat beruntung kerana amalan *wasatiyyah* diaplikasikan sepenuhnya dalam dasar pendidikan yang sudah setentunya mempunyai banyak keistimewaan tersendiri kerana Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang serius tentang kebajikan dan kesejahteraan mereka terutama sekali dari segi kesihatan, pendidikan dan perlindungan.

Pendidikan adalah diberi secara percuma dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Bagi keluarga yang kurang berkemampuan pula, akan diberikan elaun pelajaran yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan elaun yang sama turut dihulurkan kepada anak-anak yatim yang keluarga mereka kurang berkemampuan bagi membiayai kos-kos yang berkaitan dengan pendidikan.

Usaha-usaha kerajaan ini jelasnya, adalah untuk memastikan agar semua golongan terutama kanak-kanak di negara ini berpeluang mendapatkan pendidikan yang secukupnya dan mampu untuk menjadi pemimpin negara pada masa akan datang.

Selain itu, penubuhan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga mempunyai prinsip Islam yang tersendiri di mana penubuhan IPT bukan hanya tertumpu kepada bidang agama Islam malah juga kepada IPT yang konvensional. Antara IPT yang ada pada masa ini ialah: Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

### **Sejarah Penubuhan UNISSA dan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS).**

#### **Sejarah Penubuhan UNISSA**

Usaha untuk mengadakan pusat pengajian tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam telah bermula dengan penubuhan Institut Pengajian Islam (IPI) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun 1989, dan penubuhan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 1993. Kedua-dua institusi pengajian tinggi tersebut kemudian

dicantumkan pada tahun 1999 dan dikenali dengan nama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (IPISHOAS) di bawah UBD.

Memandangkan adanya keperluan dan keinginan untuk melihat terdirinya sebuah universiti Islam di Negara Brunei Darussalam sepenuhnya, maka Institut tersebut telah dijadikan asas bagi penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Universiti Kedua di Negara Brunei Darussalam. Dengan izin Allah *Subhanahu Wata'ala*, dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 11 Zulhijjah, 1427H bersamaan 1 Januari, 2007M (Pelan Strategik UNISSA 2009-2018):

*“Universiti ini kita hasratkan akan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam di negara kita, dan insya Allah, ia akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara”.*

Pada bulan Ogos, 2007, Universiti ini telah memulakan pengambilan pertama pelajarinya seramai 107 orang bagi sesi 2007/2008 dan telah memulakan pengajiannya dengan menawarkan program-program di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, dan Ijazah Doktor Falsafah dan juga program Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'i (Pelan Strategik UNISSA 2009-2018). Bermula Ogos pada tahun 2012 pula, program Diploma Dirasat Islamiah diperkenalkan dan seterusnya pada tahun 2013 Program Tarqiyah (*Barnamij Tarqiyah*) dimulakan dan pada tahun 2017, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat pula mula diperkenalkan.

#### ***Penubuhan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), UNISSA***

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), UNISSA ditubuhkan pada 1hb Januari 2007 seiring dengan penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Sebagai salah sebuah pusat kajian di bawah pentadbiran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), PPMS mempunyai tanggungjawab yang berat dan mulia. Apatah lagi dengan perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang menjadikan Mazhab Syafi'i sebagai Mazhab rasmi dalam kehidupan bernegara.

Pusat ini mula menawarkan program Ijazah Sarjana Mazhab Syafi'i dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Syafi'i (Kertas Cadangan Penawaran Program Lepas Ijazah, PPMS. 2015) pada sesi pengajian 2016/2017 yang mana penawaran ini adalah selaras dengan hasrat dan harapan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan pusat ini sebagai hub rujukan, kajian dan penyelidikan serantau dan antarabangsa dalam bidang Mazhab Syafi'i.

#### ***Visi***

Menjadikan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) sebuah pusat penyelidikan dan pusat rujukan Islam yang unggul dan terkemuka di rantau Asia Tenggara dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan Mazhab Syafi'i.

#### ***Misi***

Aktif mengendalikan aktiviti menyelidik, mendokumentasi dan menyebarkan hasil penyelidikan yang relevan dengan Mazhab Syafi'i bagi tujuan mengembang dan memperkukuhkan lagi pengaruh Islam bermazhab Syafi'i di rantau Asia Tenggara di samping komited untuk mencapai Visi UNISSA iaitu menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa, progresif dan dinamik berlandaskan ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah.

### **Objektif**

PPMS akan berusaha sedaya upaya menghasilkan seberapa banyak penyelidikan yang bermutu untuk dimanfaatkan bagi perkembangan dan keperluan Negara (dari segi perkembangan ekonomi dan sumber tenaga manusia) serta membantu Kerajaan membangun dan memajukan Negara berlandaskan ajaran Islam bermazhab Syafi'i. Oleh itu, PPMS telah menggariskan beberapa objektifnya, iaitu:

1. Memperkasa aktiviti menyelidik di kalangan tenaga akademik UNISSA sebagai memenuhi peranan dan tanggungjawab mereka menghasilkan penyelidikan berwibawa yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat khususnya penduduk Negara Brunei Darussalam;
2. Memperkaya khazanah ilmu penyelidikan Islam dalam pelbagai disiplin ilmu bermazhab Syafi'i selaras dengan keperluan dan maslahat umat Islam masa kini;
3. Memelihara kewujudan dan keutuhan Mazhab Syafi'i di Negara Brunei Darussalam dan mengembangkannya di rantau Asia Tenggara; (Brosur Jurnal al-Shafi'i. 2016);
4. Meningkatkan peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan Mazhab Syafi'i antara UNISSA dan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) terkemuka dari dalam dan luar negara;
5. Mengumpul data, dokumen, manuskrip, dan buku-buku yang relevan dalam pelbagai disiplin ilmu Mazhab Syafi'i untuk rujukan, rekod, dan arkib;
6. Menterjemah hasil penyelidikan dan kitab rujukan utama Mazhab Syafi'i; dan
7. Memelihara, menerbit, dan mengongsikan hasil penyelidikan kepada orang ramai.

### **Fungsi**

PPMS ditubuhkan untuk menjalankan fungsinya seperti berikut:

1. Mengendali aktiviti menyelidik dan menghasilkan penyelidikan dalam bidang ilmu Mazhab Syafi'i;
2. Mengumpul bahan rujukan Mazhab Syafi'i;
3. Memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada masyarakat tentang pemikiran, ajaran, dan hukum hakam Mazhab Syafi'i;
4. Memberi kursus kepada yang memerlukan berkaitan dengan Mazhab Syafi'i;
5. Menyelenggara aktiviti akademik (seminar, persidangan, dsb);
6. Mengendalikan aktiviti separa akademik (forum, bengkel, halaqah, dsb); dan
7. Mengadakan kerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang terkemuka dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan Mazhab Syafi'i.

### ***PPMS Sebagai Hub Penyebaran Islam dan Mazhab Syafi'i***

Sejajar dengan visi penubuhan PPMS iaitu menjadikan PPMS sebuah pusat penyelidikan dan pusat rujukan Islam yang unggul dan terkemuka di rantau Asia Tenggara dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan Mazhab Syafi'i dan selaras dengan hasrat dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan pusat ini sebagai hub rujukan sepertimana dalam Titah KDYMM Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4, UNISSA pada hari Sabtu, 8 Muharram 1436H bersamaan 1 November 2014M:

*“Kerjasama dengan Universiti Al-Azhar seumpamanya ini dipercayai mampu untuk membantu menjadikan pusat ini sebagai Hub bagi penyelidikan Mazhab Syafi'e yang bukan hanya akan menjadi tempat rujukan para ilmuan di rantau ini malahan juga di peringkat antarabangsa”.*

Bagi merealisasikan hasrat dan harapan KDYMM, maka UNISSA melalui PPMS telahpun berkerjasama dengan Universiti Al-Azhar. Kerjasama berkenaan bermula pada 2 Julai 2015 bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak ada halangan ke atas sokongan bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menubuhkan Lembaga Penasihat bagi Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS) yang bertujuan untuk memastikan PPMS benar-benar dapat melahirkan Ulama-Ulama Islam yang berpegang kepada Mazhab Shafi'i dan menjadikan Negara Brunei Darussalam terkemuka di peringkat serantau dan antarabangsa sebagai sebuah Negara melahirkan Ulama-Ulama Islam dalam bidang Mazhab Shafi'i.

Antara ahli Lembaga Penasihat PPMS yang dilantik ialah Profesor Dr Muhammad Nabil Ghanayim, Penasihat Pengajian dan Penyelidikan Islam Universiti Kaherah, dan Penasihat Majlis Tertinggi Universiti-Universiti Mesir. Sepanjang keberadaan beliau berkhidmat di PPMS, beliau telah menghasilkan tiga buah monograf al-Shafi'i bersiri. Di samping menjalankan tanggungjawab sebagai penasihat, beliau juga sempat membimbing dan tunjuk ajar kepada beberapa orang pelajar lepas ijazah dan menyampaikan ilmu semasa sesi ceramah umum kefahaman Mazhab al-Shafi'i yang berlangsung di UNISSA.

Peranan PPMS bukan hanya tertumpu kepada satu aktiviti, malah PPMS juga telah mengendalikan beberapa penyelidikan, penerbitan, mengungkapkannya aktiviti ilmiah, menawarkan program akademik (pengajian lepas ijazah) dan khidmat masyarakat.

***Pertama: Penyelidikan dan Penerbitan***

**Bidang Keutamaan Penyelidikan PPMS**



***Cabang Fiqh meliputi bidang penyelidikan:***

1. Fiqh Ibadat;
2. Mu'amalat;
3. Ahwal Syahksiyah;
4. Jinayat;
5. Qawl Qadim;
6. Qawl Jadid;
7. Perbandingan Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah dan sebagainya.



Penerbitan Jurnal al-Shafi'i, PPMS merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang antara lain matlamatnya ialah meningkatkan kegiatan penyelidikan dalam kalangan individu atau kumpulan yang terdiri daripada ahli akademik dan mahasiswa pasca ijazah dalam penyelidikan pemikiran Imam Al-Syafi'i dan mengumpul makalah ilmiah daripada pelbagai disiplin ilmu Islam khususnya yang berkaitan dengan pemikiran mazhab syafi'i (Brosur Jurnal al-Shafi'i. 2016). Manakala objektif bagi penerbitan Monograf al-Shafi'i iaitu menggalakkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan staff akademik dan mahasiswa/i UNISSA serta orang ramai dalam dan luar negara untuk menghasilkan penyelidikan yang sah dan telus yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan khususnya rakyat Negara Brunei Darussalam dan memelihara kewujudan dan keselamatan pegangan mazhab al-Syafi'i di Negara Brunei Darussalam khususnya dan Asia Tenggara secara umum (Brosur Monograf al-Shafi'i. 2016).

Kini, PPMS sedang menjalankan beberapa buah penyelidikan secara berkumpulan sama ada dalam UNISSA mahupun kolaborasi bersama IPT Islam luar negara. Antara penyelidikan tersebut:

**Jadual 1: Senarai Manuskrip Penyelidikan Yang Sedang Dilaksanakan PPMS**

<b>Bil</b>	<b>Manuskrip</b>
<b>1</b>	Ensiklopedia Mazhab Syafi'i Negara Brunei Darussalam, Jil. 2. "Penyebaran Mazhab Syafi'i".
<b>2</b>	Ensiklopedia Mazhab Syafi'i Negara Brunei Darussalam, Jil.3. "Tokoh Ulama Mazhab Syafi'i di Asia Tenggara".
<b>3</b>	Ensiklopedia Mazhab Syafi'i Negara Brunei Darussalam, Jil.4. "Kitab-Kitab dan Istilah-Istilah Mazhab Syafi'i".
<b>4</b>	Jurnal Al-Syafi'i Jurnal Berwasit Antarabangsa : Bil 8
<b>5</b>	Jurnal Al-Syafi'i Jurnal Berwasit Antarabangsa : Bil 9
<b>6</b>	Kompilasi Isu-Isu Maqasid Syariah Sebagai Pemangkin Negara Makmur Di Negara Brunei Darussalam.
<b>7</b>	Penyelidikan bertajuk: "Penggunaan Qaul Muktamad Mazhab Syafi'i Dalam Pengurusan Zakat: Kajian Brunei - Malaysia".

Sumber: Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA

### ***Buku Terbitan PPMS***

Sebagai sebuah pusat penyelidikan, PPMS tidak ketinggalan dalam mengungkapkannya pelbagai aktiviti ilmiah disamping menjalankan penyelidikan dan penerbitan dalam bentuk jurnal berwasit dan monograf khususnya berkaitan mazhab al-Syafi'i dan Imam al-Syafi'i dalam pelbagai bidang.

Antara manuskrip yang telah diterbitkan:

**Jadual 2: Senarai Buku-Buku Terbitan PPMS**

Bil	Bentuk Manuskrip	Judul Buku
1	Kompilasi Kertas Kerja	1. Kompilasi Kertas Kerja “Fiqh Wanita Bersuci Dan Solat Jemaah”
		2. Kompilasi Kertas Kerja Bengkel Kefahaman Mazhab Syafi’i : Penulisan Kitab Fiqh Mazhab Syafi’i
		3. Kompilasi Kertas Kerja Taharah Menurut Mazhab Syafi’i
		4. Kompilasi Ceramah Umum: “Imam Syafi’i Dan Mazhabnya Di Brunei Darussalam”;
2	Seminar	1. Seminar Isu-Isu Kontemporari Dalam Mazhab Syafi’i : Menghadapi Cabaran Globalisasi
3	Jurnal al-Shafi’i	1. Jurnal Al-Shafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Edisi Khas
		2. Jurnal Al-Shafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 1
		3. Jurnal Al-Syafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 2
		4. Jurnal Al-Syafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 3
		5. Jurnal Al-Syafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 4
		6. Jurnal Al-Syafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 5
		7. Jurnal Al-Syafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 6
		8. Jurnal Al-Syafi’i Jurnal Berwasit Antarabangsa: Bil 7
4	Monograf al-Shafi’i	1. Siri Monograf al-Syafi’i, Bilangan 1, “ <i>Natijah Amali Kaedah-Kaedah Berfatwa Dalam Disiplin Berfatwa Mazhab Syafi’i</i> ”.
		2. Siri Monograf al-Syafi’i, Bilangan 2, (2016) محمد نبيل غنايم, <i>الفقه الشافعي وأثره في الفقه الإسلامي</i>
		3. Siri Monograf al-Syafi’i, Bilangan 3, (2016) محمد نبيل غنايم, <i>الرسالة للإمام الشافعي وأثرها في أصول الفقه</i> .
		4. Siri Monograf al-Syafi’i, Bilangan 4, (2016) محمد نبيل غنايم, <i>الشافعي ودوره في اختلاف الحديث</i>
		5. Siri Monograf al-Syafi’i, Bilangan 5, “Penyebaran Mazhab Shafi’i Dan Hubungannya Dengan Sistem Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam: Masalah Dan Cabaran”.

5	Buku	1. الآراء المالية في كتاب الأم للإمام الشافعي
		2. Judul buku: “Kajian Tempoh Haid Terkini Di Brunei Darussalam”;
		3. البيان الكافي في الفقه الشافعي (المجلد الأول: المذهب الشافعي)
		4. البيان الكافي في الفقه الشافعي (المجلد الثاني: كتب وأصول واصطلاحات المذهب الشافعي)
		5. البيان الكافي في الفقه الشافعي (المجلد الثالث: فقه العبادات)

Sumber: Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA

### ***Kedua: Aktiviti Ilmiah***

Sebagai wadah penyampai ilmu dan maklumat, PPMS juga tidak ketinggalan dalam mengunggayahkan aktiviti ilmiah. Antara objektif aktiviti ilmiah ini diadakan ialah menyebarkan pendapat mazhab Syafi'i kepada masyarakat, mengetengahkan peranan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i dalam perkembangan ilmu Islam bermazhab Syafi'i, mencambah fikiran secara ilmiah berdasarkan bukti dan dalil terhadap suatu isu yang melanda umat Islam dan juga membangkitkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam tentang isu-isu fiqh dan menghalusi cara pengamalannya. Aktiviti-aktiviti ilmiah ini berbentuk program tahunan dan juga berkala mengikut isu semasa. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan seperti berikut:

**Jadual 3: Senarai Aktiviti-Aktiviti Ilmiah PPMS**

Bil	Bentuk Aktiviti	Tema
1	Seminar	1. Seminar Isu-Isu Kontemporari Dalam Mazhab Syafi'i, 2015
		2. Seminar Kebangsaan Mazhab Syafi'i Tema: Maqasid Syariah Pemangkin Negara Makmur, 2018
2	Nadwah	1. Nadwah Syafi'iyah: “Ekstremisme Dan Wasatiyyah Dari Kaca Mata Islam”, 2015
		2. Nadwah Syafi'iyah: “Gerakan Radikal Dan Ekstremisme Agama Siapakah Sebenarnya?”, 2016
		3. Nadwah Kontemporari: “Ekstremisme Mengancam Perpaduan Ummah”, 2017.
3	Bengkel	1. Bengkel Kefahaman Mazhab Syafi'i: “Taharah Fiqh Al-Syafi'i”, 2012
		2. Bengkel Kefahaman Mazhab Syafi'i: “Bersuci Dan Solat Jamaah (Wanita)”, 2013
		3. Bengkel Kefahaman Mazhab Syafi'i: “Penulisan Kitab Fiqh Mazhab Syafi'i”, 2014
		4. Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i (1): “Tayammum”, 2018

		5. Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i (2): "Perkiraan Zakat", 2018
		6. Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i (3 & 4): "Pengurusan Jenazah 1 & 2", 2018
		7. Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i (5): "Pemantapan Solat Berjemaah", 2018.
<b>4</b>	<b>Halaqah</b>	1. Halaqah Syafi'iyah (Siri Pertama): Solat Qasar Dan Jama
		2. Halaqah Syafi'iyah (Siri Kedua): Hak Isteri Dan Anak Selepas Pembubaran Perkahwinan
		3. Halaqah Syafi'iyah (Siri Pertama): Hak Perempuan Dari Harta Perwarisan Wanita Dan Pengurusan Harta
		4. Halaqah Syafi'iyah (Siri Kedua): Nafkah Isteri Dan Anak Nafkah Kerabat Dan Haiwan
<b>5</b>	<b>Ceramah Umum</b>	1. Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i (Siri Pertama): Kelahiran Al Imam Al Syafi'i Dan Nasab Keturunannya
		2. Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i (Siri Kedua): Al Imam Al Syafi'i Dalam Fasa Menuntut Ilmu
		3. Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i (Siri Ketiga): Al Imam Al Syafi'i Dalam Fasa Menuntut Ilmu
		5. Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i (Siri Keempat): Penulisan Al Imam Al Syafi'i Dalam Bidang Usul Fiqh
		6. Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i (Siri Kelima): Penulisan Al Imam Al Syafi'i Dalam Bidang Fiqh (Qawi Qadim Dan Qawi Jadid)
		7. Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i: "Sumbangan Al Imam Syafi'i Dalam Perkembangan Hadith Nabawi"

Sumber: Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA

### ***Ketiga: Program Akademik***

#### ***Program Pengajian Lepas Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah, PPMS (Secara Penyelidikan)***

Selain menjalankan penyelidikan, menghasilkan penerbitan dan mengadakan aktiviti ilmiah kepada masyarakat umum, PPMS juga merupakan pusat kecemerlangan ilmu yang menawarkan program pengajian lepas ijazah bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah secara penyelidikan penuh. Adalah diharapkan dengan bertambahnya program akademik di UNISSA dan khususnya program pengajian yang ditawarkan di PPMS akan membuka ruang dan peluang yang sangat berharga disamping mendalami ilmu khususnya berkaitan mazhab al-Syafi'i serta amalannya. Apa lagi program akademik ini bertepatan dengan amalan dan pegangan masyarakat Islam di negara ini sejajar dengan Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3 (1) yang mengkanunkan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafi'i.

Usaha untuk melahirkan graduan yang mahir dan mendalami selok belok pengkajian Mazhab Syafi'i adalah merupakan suatu usaha murni untuk memastikan Visi UNISSA menjadi sebuah universiti Islam tulen tercapai di samping menyahut titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahukan UNISSA melahirkan graduan bertaraf ulama yang dapat menyumbang bakti terhadap pembangunan ummah dan negara di masa akan datang. Visi PPMS, UNISSA ialah untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pusat rujukan Islam yang unggul dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan Mazhab Safi'i. Langkah untuk menawarkan program ini sangat bertepatan dalam usaha merealisasikan visi yang dicanangkan. Selain itu, program akademik PPMS ini juga dapat memperkasa penyelidikan ilmu Islam yang berkaitan dengan pemikiran, ajaran, dan hukum hakam Mazhab Syafi'i secara khusus pada sangat perlu untuk mencari solusi ilmiah yang berwibawa menurut pandangan Ahli Sunnah wal Jama'ah bagi mendepani arus perkembangan dunia moden yang menyaksikan inovasi yang semakin kompleks.

Penawaran Program Pengajian Lepas Ijazah ini amat penting kerana ia mengandungi manfaat besar kepada UNISSA khususnya, masyarakat dan negara amnya. Antara manfaat yang akan diperolehi menerusi penawaran program ini ialah menjadikan UNISSA sebuah pusat kecemerlangan ilmu Islam di peringkat serantau dan antarabangsa yang mempunyai jenama sebuah universiti Islam bemazhab Syafi'i, membuka jalan yang lebih luas kepada UNISSA amnya dan PPMS khususnya untuk lebih dikenali sebagai hab penyebaran Mazhab Syafi'i di Negara Brunei Darussalam dan di rantau Asia Tenggara, meneroka ilmu baru secara meluas menerusi penyelidikan yang mana hasilnya nanti dapat dimanfaatkan oleh seluruh lapisan masyarakat di samping menambahkan lagi khazanah ilmu Islam yang bernilai dan melahirkan sumber tenaga manusia yang berilmu pengetahuan yang menjaga warisan Islam dan menjadi aset yang berharga untuk kelangsungan hidup beragama, bermasyarakat, dan bernegara.

#### ***Keempat: Lawatan ilmiah***

Dalam mengekalkan keutuhan pegangan mazhab al-Syafi'i, PPMS juga bertindak selaku perantara hubungan institusi dan orang awam terutama luar negara bagi menyampaikan maklumat melalui pelaksanaan khidmat masyarakat dan penerimaan lawatan. Antara lawatan ilmiah iaitu lawatan dari Mantan Presiden Universiti Al-Azhar. Bertujuan membincangkan kerjasama dua hala antara PPMS dan Universiti al-Azhar seperti hasrat menubuhkan Lembaga Penasihat PPMS, Meneliti struktur PPMS, aktiviti dan perancangan masa hadapan. Selain itu, PPMS juga dikunjungi oleh Dekan, *Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Science (KIRKHS)*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bertujuan mengenali PPMS dengan lebih dekat dari aspek struktur organisasi, aktiviti penyelidikan, program akademik, aktiviti ilmiah, dan perancangan masa depan. Juga membincangkan peluang kerjasama penyelidikan antara PPMS dengan *KIRKHS*, Penyelidikan mengenai manuskrip Mazhab Syafi'i, Pengumpulan bahan-bahan rujukan Mazhab Syafi'i dan kerjasama tenaga akademik bagi penilaian jurnal terbitan PPMS.

Lawatan ilmiah seterusnya dari pensyarah, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri (UIN), Raden Fatah Palembang, Indonesia. Bertujuan membuat kajian/penyelidikan/penelitian *Program Post Doctoral* yang bertajuk: Legislasi Hukum Keluarga di Brunei Darussalam. Lawatan ilmiah seterusnya dari pensyarah Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri (UIN), Raden Fatah Palembang, Indonesia. Bertujuan membuat kajian/penyelidikan/penelitian *Program Post Doctoral* yang bertajuk: Pelaksanaan Mediasi dan Pengangkatan Hakam dalam Perkara Perceraian atau Syiqaq di Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam.

Terakhir lawatan ilmiah dari Arasy Centre Jakarta for Education, Training & Translation, Indonesia. Bertujuan mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai penubuhan PPMS dari aspek struktur organisasi, aktiviti penyelidikan, program akademik, aktiviti ilmiah, dan perancangan masa depan.

#### ***Kelima: Latihan Industri***

Buat pertama kalinya, PPMS telah menerima kunjungan pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi tujuan menjalankan penempatan Latihan Industri di PPMS, UNISSA selama lebih kurang empat bulan. Sepanjang keberadaan beliau di PPMS, beliau dibimbing oleh salah seorang felo penyelidikan PPMS. Beliau memperoleh banyak ilmu dan aktiviti bermanfaat yang bukan sahaja memperoleh dari PPMS malah UNISSA dan negara Brunei Darussalam secara amnya.

#### **Penutup**

Perkembangan PPMS tahun demi tahun yang bermula dari penubuhan pusat tersebut pada tahun 2007 sehingga 2018, telah menunjukkan dan menghasilkan satu pencapaian yang amat baik kerana kepelbagaian program yang merangkumi pelaksanaan penyelidikan dan penerbitan, program akademik lepas ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah Mazhab Syafi'i secara penyelidikan penuh, aktiviti ilmiah dan juga lawatan ilmiah yang dianjurkan oleh PPMS secara tahunan dan bersekala bukan sahaja dapat dinikmati oleh masyarakat Islam Brunei Darussalam, malah ianya juga dapat membuah hasil yang bermanfaat kepada masyarakat antarabangsa terutama dapat menyalurkan ilmu melalui sumbangan artikel ke dalam Jurnal al-Shafi'i, Jurnal Berwasit Antarabangsa dan Monograf al-Shafi'i bersiri disamping menimba ilmu pengetahuan Islam sebagai mahasiswa dan mahasiswi sehingga menjadi ilmuan Islam yang bertaqwa dan mampu memperkukuh jatidiri. Pencapaian baik ini juga sekaligus merealisasikan tujuan utama penubuhan PPMS iaitu memelihara dan memperkukuh Mazhab Syafi'i sebagai teras pegangan masyarakat Islam di negara ini dan menjadikan UNISSA sebagai sebuah Universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

#### **Bibliografi**

*Al-Quran Al-Kareem*

*Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. (2004).* Negara Brunei Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan. Jabatan Perdana Menteri.

Haji Md. Zain Haji Serudin. Dr. (1998). *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan.* Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Himpunan Titah-Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mohammad Hj. Abdul Rahman. Dr. (1996). *Peranan para sultan dalam perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam.* Jurnal Darussalam 1: 77 85.

Hj Muhammad Abd. Latif. (1992). *Latar belakang Islam di Brunei.* Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Pelan Strategik UNISSA 2009-2018,* Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

*Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.* bab 3 (1).

Titah KDYMM Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4. (2014). Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Brosur Jurnal al-Shafi'i. 2016. Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Brosur Monograf al-Shafi'i. 2016. Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam sultan Sharif Ali.

- Brosur Program Pengajian Lepas Ijazah. 2016. Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Kertas Cadangan Penawaran Program Pengajian Lepas Ijazah: Ijazah Sarjana Dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Shafi'i Secara Penyelidikan. (2015). Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Kertas Kerja bertajuk: "Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA: Perkembangan Dan Hala Tuju, 2018.
- Tugas dan Tanggungjawab Warga PPMS. (2015). Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.